

SUSUK

JURI DURABI

TINGKAYU



SBH720

SUSUK TINGKAYU

JURI DURABI

susuk tingkayu



SAB00000720

PUSAT DOKUMENTASI MELAYU
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Pendidikan Malaysia
Kuala Lumpur
1994

KK 893-6912 6101

Novel ini merupakan hasil aktiviti Anak Angkat DBP Cawangan Sabah 1990. Penerbitan novel ini diusahakan dengan kerjasama Bahagian Penerbitan Am, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Cetakan Pertama 1994

© Juri Durabi 1994

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Juri Durabi

Susuk tingkayu / Juri Durabi

ISBN 983-62-4194-9

1. Young adult fiction, Malay. 2. Malay fiction.

I. Judul.

899.2333

Diatur Huruf oleh Maamal Grafik

Muka Taip Teks: Palatino

Saiz Taip Teks: 10/12 poin

Dicetak oleh

Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka

Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS

Ampang/Hulu Kelang

Selangor Darul Ehsan

RM12.00

Terima kasih kepada Tuan Haji Abdullah Hussin di atas
tunjuk ajar yang tidak ternilai harganya. Berkat bimbingan
dan usaha maka terhasillah novel ini!

SATU

MATAHARI sudah tegak di atas ubun-ubun. Warung Pak Sohok yang terletak di simpang jalan, sibuk dengan pelanggan dari jauh dan dekat. Ada yang masih berdiri dan ada pula yang mahu beredar. Bangku yang kosong itu terus diduduki oleh para pelanggan yang menunggu kesempatan untuk duduk.

Pelayan seramai tiga orang yang digaji oleh Pak Sohok ternyata sibuk melayani pelanggan yang banyak ragamnya itu. Pak Sohok ketara semakin sibuk menyediakan minuman dan makanan.

Antara yang ramai itu ialah Nanak dan Toksin. Mereka telah mengambil tempat di sudut sebelah kiri warung. Beberapa orang lelaki yang duduk tidak jauh dari situ, begitu rancak sekali berbual. Seorang lelaki dalam kumpulan itu menarik perhatian umum kerana mengeluarkan suaranya yang garau itu. Kelucuan sikap adalah jelas dan perkataannya disambut dengan deraian ketawa oleh kawan-kawannya.

Ruang warung Pak Sohok kini semakin riuh-rendah. Tentunya oleh suara para pelanggan.

Nanak dan Toksin hanya berupaya melihat telatah mereka dengan ragam yang tersendiri itu. Ada kalanya Toksin tersenyum-senyum. Apa yang dirasakan menarik ialah telatah yang terpampang di hadapan matanya. Nanak turut tersenyum. Beberapa ketika kemudian senyumannya itu mati apabila dia tiba-tiba sahaja teringat akan sesuatu.

Sesuatu itu yang menyebabkan Nanak tunduk. Berfikir agak lama. Ada sesuatu yang menyentuh perasaannya.

Dia mengangkat mukanya sejurus kemudian. Setiap wajah

yang ada di situ ditelitinya betul-betul. Tetapi yang jelas persoalan yang timbul di hatinya itu masih belum mendapat jawabannya.

"Aku hairan," tiba-tiba Nanak membuka tirai perbualan.

Toksin yang sejak tadi asyik memerhatikan telatah pengunjung yang datang ke warung itu, terperanjat sedikit. Dia merenung wajah Nanak dalam-dalam.

"Maksud kau ...?" tanya Toksin ingin tahu.

"Apa yang kau nampak sekarang?" Nanak pula bertanya tanpa menjawab soalan Toksin sebentar tadi.

"Tak ada apa-apa yang kulihat. Semuanya seperti biasa," jawab Toksin bersahaja.

"Orang-orang di sini nampaknya gembira dengan cara mereka itu."

Toksin semakin tidak mengerti. Dia memandang tepat ke muka Nanak.

"Aku tidak mengerti apa yang kaukatakan ni?" ujarinya kemudian.

"Kaudengarkah apa yang mereka cakap? Adakah mereka bercakap fasal pembangunan, kemajuan atau paling tidak ... bagaimana hendak mengatasi masalah-masalah yang terdapat di kalangan orang-orang kita."

Anak matanya menatap orang ramai yang ada di situ.

"Apa pula yang dihairankan. Bukan baru sekarang kau mengetahui perangai orang-orang kita."

"Aku tak setuju," bantah Nanak.

"Tak setuju macam mana?" tanya Toksin.

"Mereka bercakap soal remeh-temeh sahaja. Tidak pernah menyentuh soal kemajuan. Soal macam mana mahu meningkatkan kehidupan orang-orang kita. Inilah yang mengakibatkan orang-orang kita terlalu jauh ketinggalan," kata Nanak lagi.

Toksin mengangguk-anggukkan kepala. Dia faham kini. Kemudian dia memanggil seorang pelayan lelaki tanpa menjawab kata-kata Nanak sebentar tadi.

"Nak minum apa, encik?" soal pelayan yang bertubuh kecil itu.

"Bagi kopi," kata Toksin.

"Encik?"

"Teh O."

Pelayan itu beredar. Nanak dan Toksin memerhati begitu

tekun atau menghayati suasana sekeliling. Suasananya macam tadi juga.

"Orang-orang kita memang begitu. Mereka bagaikan tidak memikirkan soal masa depan. Hari tua dan nasib anak cucu mereka."

"Kau setuju?"

"Kadang-kadang tak setuju. Tapi dalam soal lain, aku setuju," jawab Toksin.

Nanak memandang tepat ke wajah Toksin. Toksin tunduk. Kemudian dia mendongak untuk mencari pelayan yang belum kelihatan lagi itu.

"Maksud kau?" tanya Nanak.

Toksin tidak menjawab. Dia memandang pelayan yang baru tiba menghantar minuman yang dipesan tadi. Pelayan itu meletakkan gelas minuman dan berlalu dari situ.

"Kau setuju dengan sikap orang-orang kita?" tanya Nanak.

"Tidak seratus peratus," balas Toksin.

"Aku tidak mengerti."

Toksin mengambil pisang goreng yang terhidang di atas meja itu dan terus menyuapnya. Mulutnya mengunyah perlahan-lahan.

"Ya, kadang-kadang kita tidak pernah dimengertikan," kata Toksin.

Perbualan mereka terhenti dengan kemunculan Odong yang tidak disangka-sangka itu. Odong yang berbadan sederhana itu mengambil tempat di sebelah Nanak.

"Dari mana ni?" Toksin bertanya.

"Dari gerai tadi. Ada hal sikit," jawab Odong. "Apa yang dibincangkan ni?" tanya Odong sebaik-baik sahaja duduk.

"Mintalah," pelawa Nanak tanpa menjawab pertanyaan Odong tadi.

"Tak suruh pun memang nak minta," jawab Odong sambil tersenyum.

Dia memanggil seorang pelayan lelaki dan memesan minuman.

"Apa yang kamu bincangkan ni? Aku nampak, rancak betul kamu bercerita tadi. Ada sesuatukah yang dibincang?" Odong menyoal lagi.

"Memang ada, Dong." Nanak menjawab.

"Cerita apa pula tu?"

"Tentang orang-orang kita ni."

"Menarikkah cerita ni?" tanya Odong sambil membetulkan duduknya.

"Zaman ni, zaman orang berlumba-lumba. Siapa cepat dia dapat. Ini menggalakkan orang berusaha dan bersikap tidak mengharapkan bantuan orang lain."

"Aku tahu. Tapi kita harus fikirkan juga, bahawa kita hidup bermasyarakat. Lebih-lebih lagi orang-orang yang hidup di kampung. Pengalaman mereka agak terhad. Jadi, kalau boleh, kita yang ada sedikit pengalaman ni harus membantu mereka," kata Nanak sambil mengangkat gelas minuman dan meneguknya perlahan-lahan.

"Tak semestinya kita berdiam diri sahaja. Kita harus berusaha ke arah itu."

"Betul kata Nanak tadi. Nampaknya tidak ada orang lain yang boleh membantu berbuat sesuatu ... ya, selain kita," sampuk Odong.

Toksin terdiam. Terasa pula hujahnya itu mudah sahaja dipatahkan oleh Nanak. Apa yang dia mahu mengatakan ialah bahawa mereka bukannya harus menyalahkan sebelah pihak sahaja. Dia tahu apa yang dilihatnya. Dia sedar bahawa orang-orang kampung bersikap selesa dengan apa yang dimilikinya.

"Maksud saya begini, Nanak, Odong. Bangsa kita ni, bukanlah seperti bangsa-bangsa yang lainnya. Bangsa itu inginkan kemajuan. Bangsa kita pula bersikap sangat bersyukur dengan apa yang dimiliki. Kalau diajak berbincang fasal kemajuan, mereka bagaikan tak mahu. Inilah yang jadi masalah," kata Toksin lagi.

"Tugas ini terpikul di bahu siapa?" tanya Nanak.

"Di bahu kitalah," sampuk Odong.

"Betul kata kau. Kita yang harus memberi kesedaran kepada mereka yang masih tidak faham itu."

Mereka bagaikan spontan menarik nafas yang panjang.

"Kita sebagai generasi muda harus mencari jalan untuk membuat perubahan. Kita tak boleh turut jejak orang tua kita."

Nanak mengangkat gelasnya dan meneguk lagi. Toksin tidak mengeluarkan sebarang pendapat. Dia turut meneguk minumannya perlahan-lahan.

"Aku setuju," celah Odong tiba-tiba. Dan sekali gus dia melihat wajah kedua-dua rakannya itu.

"Sampai bilakah kita harus berpegang kepada prinsip tunggu dan lihat. Nasib anak cucu kita nanti bagaimana agaknya? Apakah yang akan terjadi kepada hidup mereka nanti. Dalam masa 10 tahun akan datang, jangan harap anak cucu kita boleh mendapat pekerjaan di jabatan-jabatan kerajaan. Jauh panggang dengan api."

"Dan..."

"Dan apa lagi?"

"Anak cucu kita akan menurut jejak kita nanti," tambah Odong lagi.

Toksin mendiamkan diri. Dia membiarkan kedua-dua rakan-nya itu bersoal jawab.

"Aku kira beginilah Tuk, Dong. Kita cuba berbuat sesuatu," kata Nanak.

"Sesuatu bagaimana?" Toksin menyoal.

"Cari sesuatu. Maksud aku, bagaimana kita boleh mengubah nasib orang-orang kita. Kalau boleh, kita berikan mereka kesedaran."

Nanak berharap pancingannya akan menambat hati Odong dan Toksin. Dia mengharap agar mereka faham dan membantunya untuk mencapai cita-cita yang murni itu.

Nanak sudah pun memikirkan sesuatu. Semua perancangan sudah tersusun dalam kepalanya. Hanya menunggu lampu hijau sahaja daripada kawan-kawannya. Rupa-rupanya lampu hijau yang ditunggu-tunggu, akan menyala pada bila-bila masa sahaja. Ini terbukti apabila Odong dan Toksin telah menyetujuinya. Bukan sahaja Odong dan Toksin, tetapi juga Pak Odok, Ketua Kampung Kusilad.

Dalam pengamatan Nanak, orang tua itu tentunya tidak membantah rancangannya. Dia tahu betul hati orang tua itu. Tetapi, bagaimana dengan Turagai, orang tua nyanyuk itu? Berdetik hatinya kini. Apakah dia tidak akan membuat sebarang kekacauan nanti? Atau, dia sudah membuat persiapan untuk menghalang rancangannya itu?

Bukan Turagai seorang sahaja yang mahu menggagalkan rancangannya. Malah, Sunan, ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung yang baru dilantik itu, salah seorang daripada penghalang yang ada. Turagai dan Sunan berkawan baik. Pertalian saudara pun tidak jauh. Tentulah Sunan sudah masuk perangkap Turagai. Demikian fikir Nanak.